

Headline	Kelantan HIV tertinggi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	11	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	118 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 472
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,416



# Kelantan HIV tertinggi

**NURRUL HUDA AHMAD LUTFI,  
MALINI MAZLAN**

**KOTA BHARU-** Biarpun statistik HIV positif di seluruh negara menurun pada tahun lalu, tetapi Kelantan masih mengekalkan peratusan tertinggi berbanding negeri lain.

Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM), Datuk Dr Raj Karim berkata, negeri ini mencatatkan 10 peratus tertinggi kes jangkitan HIV dalam kalangan rakyat.

Menurutnya, keadaan sedemikian berlaku kerana rakyat negeri ini mudah terdedah dengan jangkitan HIV menerusi hubungan seks tidak selamat yang berpunca daripada aktiviti keluar masuk ke negara sempadan.

"Negeri ini berdekatan dengan sempadan dan kita lihat mereka gemar pergi ke sana setiap hari. Dan kalau

boleh cuba kurangkan aktiviti pergi ke sana dan amalkan gaya hidup sihat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutup Bengkel Asas Perniagaan Program Pencegahan Jenayah Sekata di Hotel Grand Riverview di sini, semalam.

Seramai 30 peserta yang terdiri daripada penghidap HIV dari negeri ini dan Terengganu menyertai bengkel tersebut.

Statistik rakyat Malaysia dijangkiti HIV mencatatkan penurunan kepada 3,479 pada tahun lalu berbanding 2010 yang berjumlah 3,652.

Sehubungan itu Dr Raj menyeru rakyat negeri ini perlu amal sikap tanggungjawab untuk tidak melakukan perkara boleh terdedah pada jangkitan HIV.